

KAHWIN PAKSA DAN WALI MUJBIR

Rencana “Kahwin Paksa dan Wali Mujbir” ini ialah khulasah daripada karangan al-Faḍil Tuan Haji Menor Khalil ulama Indonesia yang terkenal. Kerana faedahnyanya kita peturunkan dari akhbar “Abadi” Jakarta.

Soal kahwin paksa, yakni mengahwinkan anak-anak gadis dengan cara paksaan, memang biasa kita dengar semenjak dahulu hingga sekarang, dilakukan oleh orang-orang kita yang beragama Islam. Mereka yang mengerjakan demikian itu bersandarkan suatu keterangan: Orang tua – wali si gadis berhak memaksa gadisnya untuk dikahwinkan; dan wali itu biasa dikatakan oleh setengah ulama Islam dengan istilah “Wali Mujbir”. Betulkah Islam memberi pimpinan demikian kepada pemeluk-pemeluknya?

Kalau kita kembali kepada pimpinan Islam yang sebenarnya, yakni menyelidiki dan memeriksa beberapa keterangan dalam Quran dan hadis Nabi tentang soal perkahwinan hingga sekarang masih dapat kita baca dan kita pelajari, belum pernah selama ini kami dapati adanya istilah “Wali Mujbir”, wali yang berhak memaksa anak gadisnya untuk dikahwinkan dan memang tidak ada kata-kata yang bererti demikian. Bahkan, kalau kita kembali kepada pimpinan Nabi kita (S.A.W) kita akan mengetahui benar-benar bahawa tiap-tiap gadis diberi hak memilih bakal jodohnya (suaminya) asal dalam lingkungan agama.

Kewajipan Wali

Menurut hadis Nabi (S.A.W) antara lain ertinya demikian: “Gadis itu diminta izin untuk dirinya, dan izinnya itu ialah diamnya.” Hadis ini diriwayatkan oleh ahli-ahli hadis yang terkenal di antaranya Imām Aḥmad dan Imām

Muslim.

Lagi satu hadis Nabi (S.A.W) yang ertinya: “Anak perempuan (gadis) itu diminta keterangan tentang dirinya, maka jika ia diam, sesungguhnya ia telah mengizinkan, dan jika menolak, janganlah kamu memaksanya.” (Hadis riwayat Imām Aḥmad).

Dengan adanya dua hadis ini dan beberapa riwayat lagi yang serupa dan semakna dengan ini, jelaslah bagi kita, bahawa seseorang anak gadis itu apabila hendak dikahwinkan oleh orang tuanya – walinya, maka wali itu berkewajipan meminta izinnya. Kalau diam, tidak menjawab bermakna ia telah mengizinkan dirinya dikahwinkan; tetapi kalau ia menolak, maka orang tua – wali tidak berhak dan tidak boleh memaksanya.

Keterangannya

Menurut beberapa riwayat pada masa Nabi (S.A.W) ada beberapa Peristiwa di antaranya seperti berikut:

Abu Buraidah raḍī Allāh ‘anh berkata: “Telah datang seorang anak perempuan di hadapan Nabi (S.A.W) lalu berkata: “Bahwasanya bapa saya telah mengahwinkan saya dengan anak saudaranya, supaya terangkat kerendahannya sebab saya” maka Nabi (S.A.W) berkenan menyerahkan perkara itu kepada perempuan itu sendiri. Perempuan itu pun berkata: “Saya telah bersetuju dengan perbuatan bapa saya itu. Tetapi saya hendak memberitahu kepada orang-orang perempuan, bahawa

sesungguhnya bapa-bapa itu tidaklah mempunyai apa-apa sedikit (Pun.” Riwayat Imām-Imām Aḥmad, Nasā’ī dan Ibnu Mājah).

Yakni: bapa-bapa atau wali-wali itu tidak mempunyai hak kekuasaan mengahwinkan anak-anak perempuannya dengan paksa.

Jabir raḍī Allāh ‘anh berkata: “Bahawasanya ada seorang lelaki mengahwinkan seorang anak perempuannya, pada hal ia masih gadis dengan tidak meminta izinnya (persetujuannya), perempuan itu pun pergi mengadap Nabi (S.A.W) , lalu baginda menceraikan antara keduanya. (Riwayat Imām Nasā’ī).

Abu Salmah raḍī Allāh ‘anh berkata: “Seorang perempuan telah datang mengadap Rasulullah (S.A.W) lalu berkata: “Bahawasanya bapa saya telah mengahwinkan saya dengan seorang lelaki, pada hal saya tidak suka kepadanya”. Maka baginda bersabda: “Tidak sah nikah kamu. Pergilah dan kahwinlah kamu dengan siapa juga yang kamu sukai.” (Riwayat Imām Sa’id bin Mansur).

Ibn Abbas raḍī Allāh ‘anh berkata: “Bahawasanya seorang anak perempuan (gadis) datang kepada Rasulullah (S.A.W) lalu menyatakan: “Bahawasanya bapanya telah mengahwinkan dia pada hal ia tidak suka. Lalu Nabi (S.A.W) menyuruhnya memilih.” (Diriwayatkan oleh Imām-Imām Aḥmad, Abu Dāwud dan Ibnu Mājah).

Yakni, Nabi (S.A.W) menyuruhnya memilih adakah hendak menjadi isteri orang yang ia benci itu atau minta diceraikan.

Dengan riwayat hadis-hadis yang dibentangkan itu jelaslah, bahawa nikah (perkahwinan) seorang perempuan, baik yang masih gadis mahu pun yang telah janda, yang dilakukan dengan cara paksaan itu tergantung hukumnya. Yakni, kalau perempuan itu sudah suka, maka sahlah perkahwinannya; dan jika tidak suka, maka tidak menjadi sah, lebih baik diceraikan sahaja. Dan jelaslah pula, bahawa bapa atau wali orang-orang perempuan itu tidaklah berhak mengahwinkan mereka dengan paksa.

Tentang perbuatan setengah orang-orang mengahwinkan anak-anak gadisnya dengan paksa dengan lelaki yang mereka belum tentu

suka, itu adalah bukan dari kesalahan Islam, tetapi dari kesalahan mereka (orang-orang Islam) sendiri.

Kalau di antara kita kaum Muslimin yang bertanya: ‘Alim ulama yang memperkenankan orang tua – wali mengahwinkan anak-anak perempuan mereka dengan cara paksa, dengan istilah wali “Mujbir” itu apakah alasannya?

Jawabnya: cubalah bertanya kepada mereka sendiri dengan alasan apakah mereka (ulama) memperkenankan orang tua – wali mengahwinkan anak-anak perempuannya dengan paksa?

Elok diterangkan bahawa yang dinamakan “alasan” atau “dalil” dalam hukum agama Islam itu, ialah al-Quran dan al-Hadis. Sebab itu bertanyalah kepada mereka itu dengan ayat Qurankah atau hadis Nabikah, mereka itu memperkenankan adanya wali “Mujbir” itu? Kalau hanya dengan faham ulama, maka mengapa mereka tidak suka mengikut faham ulama yang tidak memperkenankannya, yang mereka itu terang mengikut keterangan hadis-hadis Nabi (S.A.W)

Soal ini sayogia dipertimbangkan dengan benar dan saksama!

Buku-buku Cerita Mata-mata Gelap

Perbunuhan di Padang Pulau	30 sen
“ di Lautan Atlantik	30 “
Penari	30 “
Jantan Mata Keranjang	30 “
Pukul Empat Subuh	30 “
Lelaki Binatang	30 “
Menjual Agama	30 “

Alamatkan pesanan-pesanan kepada manager

QALAM PRESS LTD., P.O. Box 3031

SINGAPORE
